

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: PERASMIAN PAMERAN "PATRIOT DAN NEGARAWAN - TUN SIR HENRY H.S. LEE"

TEMPAT: MUZIUM NEGARA, KUALA LUMPUR

TARIKH: 19 NOV 1988

MASA:

Yang Berhormat Dato Sabbaruddin Chik,
Menteri Kebudayaan dan Pelancongan;
Yang Berhormat Datuk Alex Lee,
Timbalan Menteri Pertanian;
Yang Berbahagia Dato' Shahrum Yub,
Ketua Pengarah Jabatan Muzium;
Dif-dif Kehormat;

Tuan-tuan dan puan-puan.

Saya berasa sukacita kerana dapat turut bersama di majlis ini yang bertujuan untuk mengenang kembali perjuangan seorang negarawan yang telah berjasa kepada negara ini iaitu mendiang Tun Sir Henry H.S. Lee. Saya percaya pemergian Tun H.S. Lee masih dirasakan oleh setiap ahli keluarganya dan kenangan-kenangan hidup beliau masih segar diperkatakan oleh sahabat handai beliau. Demikianlah peredaran hidup di dunia ini, setiap yang hidup akan menemui ajalnya. Namun nama yang baik akan terus menjadi kenangan dan teladan kepada kita semua.

2. Rakaman sejarah negara ini memperakui dan tidak dapat menyangkal betapa mendiang Tun H.S. Lee mempunyai rekod kegemilangannya yang tersendiri semenjak beliau mula bertapak di negara ini pada tahun 1924 dahulu. Negara ini tidak akan melupakan jasa-jasa beliau yang turut berjuang dalam usaha-usaha menuntut kemerdekaan tanahair ini. Nama beliau akan terus dikenang sebagai salah seorang tokoh terpenting yang menubuhkan parti MCA, salah seorang perancang utama ke arah penubuhan Perikatan UMNO-MCA, seorang tokoh penentang komunisme, Menteri Kewangan yang pertama dan seorang usahawan yang telah banyak mencurahkan tenaga dan fikiran untuk turut membangunkan negara ini. Walaupun semenjak meninggalkan gelanggang politik beliau tidak lagi terlibat secara langsung dengan Kerajaan, namun beliau tidak pernah jemu untuk terus berbakti kepada masyarakat melalui badan-badan sosial.

Tuan-tuan dan puan-puan

3. Para pemimpin merupakan sumber inspirasi rakyat dan penggerak utama dalam melaksanakan apa jua dasar yang telah ditetapkan oleh Kerajaan untuk kesejahteraan rakyat dan negara. Para pemimpin negara seharusnya mempunyai cita-cita atau vision yang jauh ke hadapan. Berdasarkan kepada fakta sejarah, mendiang Tun H.S. Lee telah membuktikan yang beliau

merupakan salah seorang pemimpin negara yang serba boleh sehingga beliau dihormati oleh segenap lapisan masyarakat di negara ini.

4. Kebijaksanaan dan kebolehan beliau memimpin dan menyesuaikan diri dengan suasana politik dan sosio-budaya tempatan bukanlah boleh diperolehi dengan sekelip mata, bahkan adalah hasil dari pengalaman-pengalaman luas dan liku-liku hidup beliau yang beraneka corak dan serba mencabar. Di samping itu beliau sentiasa berpegang teguh dengan prinsip-prinsip hidup beliau yang serba dinamik. Walaupun beliau sudah tidak lagi memainkan peranan utama dalam parti MCA, beliau tidak mudah kecewa atau melatah mengecam pemimpin-pemimpin lain, apatah lagi Kerajaan. Malahan beliau terus bergerak cergas dalam kegiatan-kegiatan sosial dan kebajikan dan juga memajukan lagi dunia perniagaan beliau. Sesungguhnya kita berbangga dengan sikap, kewibawaan dan jasa-jasa yang telah beliau curahkan kepada negara ini dan sewajarnya negara mengiktiraf beliau sebagai seorang patriot dan negarawan. Kita berharap generasi sekarang dapat menjadikan beliau sebagai salah seorang negarawan contoh yang telah mengharumkan negara ini.

5. Berdasarkan kepada hakikat inilah Kerajaan merestui untuk mengenang dan mengabadikan nama beliau melalui berbagai cara seperti mengadakan pameran seperti ini, dan yang paling bererti lagi ialah mengabadikan nama beliau pada sebatang jalan di Bandaraya Kuala Lumpur ini. Kerajaan telah mengenalpasti bahawa jalan yang paling sesuai ialah Jalan Bandar. Sempena pameran ini sukacita saya mengumumkan bahawa mulai hari ini, Jalan Bandar akan dikenali sebagai Jalan Tun H.S. Lee. Saya berharap semua pihak merestui perubahan ini. Inilah cara yang terbaik dan berkesan bagi mengingati beliau.

Tuan-tuan dan puan-puan,

6. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Jawatankuasa Pameran dan setiap individu yang telah menyumbangkan tenaga untuk menjayakan pameran ini. Dengan ini juga, saya dengan sukacitanya merasmikan pameran 'Patriot dan Negarawan - Tun Sir Henry H.S. Lee' ini.